

SISTEM MERITOKRASI S'PURA

*Di Parlimen bulan lalu, beberapa Anggota Parlimen telah menyuarakan cadangan berkaitan memastikan peluang yang sama rata dan meluaskan sistem meritokrasi Singapura semasa perbahasan ucapan Presiden Halimah Yacob. Ini setelah pemerintah mahu meluaskan definisi meritokrasi dalam usaha Singapura mengatasi kecenderungan masyarakat menjadi lebih berstrata dan kurang mobiliti sosial. **BERITA HARIAN** mendapatkan pandangan pakar dan ketengahkan beberapa individu yang melakar kejayaan masing-masing tanpa mengikut 'acuan' kejayaan tradisional.*

Perlu semak sistem pendidikan bagi perluas takrif meritokrasi di S'pura: Pengamat

► **ATIYAH MOHD SAID**
 atiyahm@sph.com.sg

USAHA meluaskan takrif meritokrasi di Singapura memerlukan satu anjakan paradigma, yang termasuk menyemak sistem pendidikan agar fokus kepada pembangunan menyeluruh dan pelbagai jenis kemahiran bukan sahaja akademik, serta mengubah cara majikan menilai prestasi dan potensi pekerja.

Selain minda yang terbuka untuk membincangkan isu ini, sebagai sebuah masyarakat dan pengguna, kita juga harus bersedia membayar kos lebih tinggi untuk khidmat dalam sektor berkemahiran yang boleh dianggap sebagai 'bantuan pakar', menurut beberapa pengamat.

Pensyarah Kanan di Politeknik Republic yang juga Anggota Parlimen GRC Jalan Besar, Dr Wan Rizal Wan Zakariah, berkata untuk mengubah pentakrifan kejayaan dan meritokrasi, ia memerlukan pendekatan pelbagai sudut, termasuk beralih daripada penekanan terhadap pencapaian bersifat akademik.

"Kita perlu melihat kepada menyemak semula sistem pendidikan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan menyeluruh dan kemahiran yang pelbagai lantas beralih daripada penekanan terhadap pencapaian akademik."

"Kita juga perlu pastikan setiap individu diberi peluang membangun dan sesuai kan diri sepanjang kerjaya dan ini bermakna kita harus mentakrif semula institut pendidikan tinggi dengan menyediakan asas kukuh menerusi program latihan sebelum pekerjaan

(PET) dan wujudkan program Pendidikan dan Latihan Berterusan (CET).

"Dengan meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap laluan bukan tradisional dan bukan akademik untuk mencapai kejayaan, ia akan mengubah tanggapan masyarakat," ujarnya.

Mantan AP yang kini Profesor Madya Kelompok Perniagaan, Perhubungan dan Reka Institut Teknologi Singapura (SIT), serta Timbalan Pengarah Pusat Kepimpinan Masyarakat dan Inovasi Sosial SIT, Dr Intan Azura Mokhtar, berkata buat sekian lama kayu ukur bagi meritokrasi dan definisi kejayaan tertumpu kepada kejayaan seseorang individu dan kurang dalam sumbangan masyarakat serta nilai sosial.

Ini sedangkan penting untuk kita melihat "bagaimana dan apa yang disumbang oleh individu berjaya itu kepada masyarakat atau membina masyarakat", kata beliau.

"Lebih daripada takrifan baru, apa yang amat diperlukan ialah perubahan dalam cara pemikiran dan jangkaan."

"Dalam hal ini, kita perlukan perubahan dalam cara menilai prestasi dan potensi seseorang."

"Ini bermakna majikan tidak boleh sahaja tertumpu kepada daya penghasilan dan keputusan yang diperolehi. Mereka juga harus teliti prosesnya dan pengurusan perhubungan," ujar beliau.

Tambah Dr Intan, sebagai pekerja, dibesarkan untuk dilatih dan percaya yang perkara paling penting ialah menangani dan menyenangkan hati ketua atau pengurusan atasan.

"Kini majikan harus mencari cara baru un-

tuk menilai pekerja, misalnya bagaimana mereka berurusan dengan orang bawahan atau rakan sebaya, bagaimana mereka tingkatkan diri dan sebagainya."

Timbalan Pengarah (Kajian) Institut Pengajian Dasar, Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew Universiti Nasional Singapura, Dr Gillian Koh, berkata sejak sekian lama, hanya keupayaan intelektual dan kognitif diiktiraf sebagai lebih tinggi dan dibayar lebih baik.

"Tentunya, setiap pekerja menggunakan gabungan keupayaan otak, jiwa dan tangan tetapi kita maklum golongan seperti pekerja tukang dan pekerja jalgangan kesihatan bersekutu, tidak diberi perhatian dan lebih lazim dibayar lebih rendah berbanding pekerja profesional lain."

"Maka meluaskan konsep meritokrasi di sini perlu mengiktiraf bidang kerja seperti ini dan menyediakan lebih banyak sokongan untuk latihan kemahiran serta gaji lebih baik," jelasnya.

Dr Koh beri contoh Model Gaji Progresif (PWM) yang diluaskan ke lebih banyak sektor, sebagai satu cara meluaskan takrifan merit dan ganjaran dalam bidang itu.

"Kalau kita ingat, Timbalan Perdana Menteri, Encik Lawrence Wong, berkata rangka kerja SkillsFuture akan dibangunkan lagi. Ini menjadikan peluasan PWM lebih nyata kerana sokongan diberi untuk pekerja dilatih, dinaikkan tahap kemahiran dan mendaki tangga gaji serta kerjaya," terang beliau.

Beliau menambah golongan seperti juru elektrik dan mekanik amat diperlukan dan sumbangan mereka perlu dihirai.

Penolong Profesor Kelompok Pernia-



DR WAN RIZAL WAN ZAKARIAH



DR AARON NG YI KAI

gaan, Komunikasi dan Reka Bentuk SIT), Dr Aaron Ng Yi Kai, berkata pemerintah harus mendahului perubahan ini dan menjadi contoh kerana orang ramai sudah maklum yang gaji dan perkembangan kerjaya dalam perkhidmatan awam amat bergantung kepada merit akademik.

"Jika kita benar-benar serius dalam mentakrif semula meritokrasi, maka perubahan itu harus bermula dalam sektor awam," tekan Dr Ng.

Menurutnya, ia mengambil sekurang-kurangnya satu generasi atau lebih lama untuk mengubah pemikiran kita.

"Masalahnya, ramai warga Singapura pertengahan usia dan lebih tua adalah hasil sistem meritokratik yang mentakrif merit secara sempit dalam bentuk merit akademik. Mereka amat komited terhadap sistem ini dan akan terdapat tentangan terhadap perubahan daripada golongan ini."

Justeru, jika merit akademik dimansuhkan sebagai tunggal sistem meritokrasi kita, maka golongan itu akan bergelut, katanya.

"Ramai warga ini yang berjaya berdasarkan merit akademik memegang peranan penting dalam pelbagai aspek. Jika mereka tidak dapat diayunkan untuk beralih daripada merit akademik, walaupun pemerintah mahu berubah, pelaksanaan perubahan itu terbatas," ujar Dr Ng.

Bagi Dr Wan Rizal pula, usaha mengubah pemikiran akan mengambil masa 10 hingga 20 tahun mendatang kerana "mengubah pemikiran yang sudah lama terbentuk dalam sebuah masyarakat adalah satu proses yang rumit dan beransur-ansur".

"Salah satu sebab ia mengambil masa ialah kerana norma budaya dan masyarakat

yang sudah ditekankan sejak generasi lamy. Ia memerlukan usaha konsisten untuk mengubah norma ini dan membentuk nilai dan perspektif baru.

"Situasi ini ialah pendidikan dan cara didikan. Ia mengambil masa untuk menyemak sukatan pelajaran, melatih pendidik dan melaksanakan dasar baru. Kanak-kanak dan dewasa muda perlu masa untuk alami dan membiasakan diri dengan perubahan ini sambil membesar."

Dr Koh berpendapat satu cabaran utama dalam perubahan ini ialah pengguna akan perlu membayar lebih tinggi untuk khidmat atau produk kendalian sektor yang berkemahiran.

"Ini kerana andaiannya ialah pengguna kini lebih mendapatkan bantuan pakar, khidmat atau produk lebih baik. Perlu ada rasa hormat lebih untuk semua golongan, termasuk pekerja tukang dana pakar teknikal, kerana mereka adalah pakar dalam bidang mereka," tambahnya.

Dalam mencapai perubahan ini, satu tukar ganti atau 'trade-offs' ialah sesuaikan sumber yang tidak tertumpu kepada malamat akademik tradisional dan ini mungkin mengundung tentangan daripada pihak berkepentingan tertentu, kata Dr Tan.

Tambah Dr Ng pula, dalam beralih daripada merit akademik sebagai tunggal sistem meritokrasi, ia bermakna secara semula jadi apa sahaja yang menyokong kejayaan akademik akan terjejas.

"Ini termasuk industri tuisyen. Harga hartanah juga boleh terjejas kerana jika merit akademik tidak lagi penting, jadi orang ramai tidak akan peduli jika anak-anak mereka memasuki sekolah rendah yang berjenama dan popular," kata Dr Ng.